

**Setiap rakyat menyumbang kepada kemajuan
Utusan Online
Ogos 25, 2011**

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, setiap rakyat negara ini memainkan peranan yang seimbang dalam pembangunan negara serta menyumbang kepada kemajuan ekonomi.

Kata Perdana Menteri, perkara itu mungkin tidak disedari oleh kebanyakan daripada rakyat negara ini yang berpandangan pekerjaan mereka tidak setanding atau penting jika dibandingkan dengan pemimpin korporat.

"Sedangkan anda perlu tahu, tidak kira dalam apa jua industri yang diceburi atau apa jenis pekerjaan dilakukan sekali pun, anda turut memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

"Setiap daripada anda juga, tidak kira sama ada anda merupakan seorang eksekutif korporat, pemandu teksi, guru, pelajar, petani, peniaga atau pekerja pembersihan, penglibatan anda sangat penting dalam mekanisme sosioekonomi kompleks yang akan memacu negara ini ke depan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam entri terbaru bertajuk 'Being Malaysian' menerusi laman blog beliau di <http://www.1malaysia.com.my>, hari ini.

Najib menambah, rakyat negara ini mewarisi kemerdekaan dan kekayaan hasil perjuangan rakyat terdahulu dan bertanggungjawab untuk mempertahankannya.

Justeru kata beliau, setiap rakyat seharusnya berbangga dengan pekerjaan dilakukan dalam erti kata melakukan yang terbaik dalam pekerjaan itu kerana ia akan memastikan kesinambungan kejayaan negara.

Adalah mustahak juga, kata Najib, untuk rasa bangga itu disertai dengan semangat dan keazaman melakukan yang terbaik dalam pekerjaan dilakukan.

"Ia bukanlah satu pekerjaan yang kita lakukan untuk mendapat ganjaran di hujung bulan semata-mata. Sebaliknya, ia adalah sebahagian daripada perjuangan patriotik untuk membawa negara ini mencapai kejayaan yang besar," katanya.

Najib turut menekankan bahawa bukanlah tanggungjawab pemimpin politik dan ekonomi semata-mata untuk membawa negara ini maju.

Sebaliknya kata beliau, ia merupakan peranan setiap rakyat Malaysia untuk meyakini bahawa mereka juga memainkan peranan seperti kumpulan di barisan hadapan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0826&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm